



Headline: 'Mereka kata saya guna kad kredit RM8,000'
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 7 June 2018

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 51

'Mereka kata saya guna kad kredit RM8,000'

Subang Jaya: "Mereka kata saya guna kad kredit RM8,000 untuk beli barang di pasar raya," kata seorang pengarah syarikat yang mengalami kerugian RM33,000 selepas menjadi mangsa sindiket Macau Scam.

Wanita dikenali sebagai Zue, 50-an, berkata, dia menerima panggilan daripada ahli sindiket berkenaan yang menyamar sebagai pegawai bank dan polis, minggu lalu.

Katanya, mulanya dia menerima panggilan daripada seorang wanita mengaku pegawai bahagian khidmat pelanggan syarikat perbankan memaklumkan dirinya sudah berbelanja kira-kira RM8,000 untuk pembelian barangan di kompleks beli-belah di Subang menggunakan kad kredit.

"Selepas menafikan ada mendaftar kad kredit dan berbelanja di kompleks beli-belah itu, wanita terbabit kemudian memaklumkan kemungkinan ada pihak lain sudah menggunakan maklumat peribadi saya untuk memiliki kad kredit.

"Kira-kira 15 minit kemudian, seorang lelaki mengaku anggota polis menelefon dan memaklumkan menerima aduan daripada pihak bank mengenai kes penyalahguna-

an maklumat milik saya," katanya ketika dihubungi, kelmarin.

Zue berkata, kurang satu jam selepas itu dia menerima satu lagi panggilan daripada seorang lelaki mengaku pegawai bank memaklumkan namanya turut terbabit dalam aktiviti perjudian dalam talian di tiga premis dan satu waran tangkap sudah dikeluarkan polis terhadapnya.

"Bagaimanapun, pegawai bank berkenaan meminta saya membuat pindahan wang ke satu akaun lain bagi memastikan wang milik saya selamat demi membantu saya.

"Kerana takut dan khuatir, saya buat tujuh transaksi pindahan wang ke akaun baru yang diberikan.

"Saya hanya sedar ditipu selepas beberapa jam lelaki itu gagal dihubungi bagi mengetahui perkembangan lanjut mengenai masalah saya hadapi," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Subang Jaya Asisten Komisioner Muhammad Azlin Sadari, ketika dihubungi, semalam, mengesahkan menerima aduan mangsa dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.